



**UNIT PEROLEHAN
PEJABAT PENDAFTAR
INSTITUT KESIHATAN NEGARA (NIH)
KENYATAAN SEBUT HARGA
TARIKH IKLAN : 22 MAC 2024 (RABU)**

Sebut harga adalah dipelawa daripada Penyebut harga yang berdaftar dengan CIDB dan dalam kod bidang yang berkaitan untuk melaksanakan kerja seperti berikut :

BIL	KETERANGAN PERKHIDMATAN	KOD BIDANG/KELAS
1	<p>BIL. SEBUT HARGA : NIH/SH/24/04-01</p> <p>SEBUT HARGA KERJA-KERJA PEMBINAAN TANDAS DALAM PEJABAT PENGARAH INSTITUT PENYELIDIKAN TINGKAHLAKU KESIHATAN (IPTK), INSTITUT KESIHATAN NEGARA (NIH), SETIA ALAM, SELANGOR</p>	<p><u>MEMENUHI SYARAT- SYARAT BERIKUT</u></p> <ul style="list-style-type: none">KONTRAKTOR GRED G1 YANG BERDAFTAR DENGAN CIDB & MEMPUNYAI PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK) SERTA SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)BERDAFTAR DENGAN CIDB DALAM KOD BIDANG : Kategori - B : Pembinaan Bangunan - ME : Elektrik Pengkhususan - B04 (Kerja-kerja Pembinaan Bangunan) - E11 (Kerja AM Elektrik)KONTRAKTOR TARAF BUMIPUTRALOKALITI – PETALING

SESI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK

TARIKH: 27 MAC 2024 (RABU)

MASA: 10.30 PAGI

TEMPAT BERKUMPUL: BILIK MESYUARAT 2, ARAS 3, BLOK D2,
INSTITUT KESIHATAN NEGARA (NIH), SETIA ALAM, SELANGOR

**BORANG SEBUT HARGA HANYA AKAN DIEDARKAN SEMASA SESI TAKLIMAT DAN
SIJIL LAWATAN TAPAK HANYA AKAN DIEDARKAN SELEPAS SELESAI LAWATAN
TAPAK SAHAJA**

1. Sebut harga ini telah **diiklankan di laman sesawang Institut Kesihatan Negara (NIH)** dan di **laman sesawang My Procurement**. **Borang Sebut Harga Hanya Akan Diedarkan Semasa Sesi Taklimat Dan Sijil Lawatan Tapak Hanya Akan Diedarkan Selepas Selesai Lawatan Tapak Sahaja.**
2. **Hanya syarikat yang mempunyai kod bidang berkaitan serta penama di dalam Sijil Pendaftaran dengan CIDB sahaja yang layak hadir semasa Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak.** Penama wajib membawa Cop Syarikat, SALINAN ASAL Sijil Perakuan Pendaftaran dengan CIDB (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), dan Sijil Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) iaitu kontraktor bertaraf bumiputera (jika berkaitan) beserta sesalinannya sekali pada Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak yang ditetapkan.
3. **Sekiranya penama di dalam sijil tidak hadir dan gagal membawa Sijil Asal (untuk semakan) dan sesalinannya (untuk simpanan pihak NIH) dalam Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak ini akan menyebabkan dokumen tawaran sebut harga tidak akan diberi dan tidak dipertimbangkan dalam proses sebut harga selanjutnya.**
4. Penyebut harga dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir yang terkandung di dalam dokumen sebut harga sebelum mengisikannya. Penyebut harga yang membuat kesilapan dan tidak mematuhi mana-mana fasa dalam dokumen sebut harga tidak akan dipertimbangkan. Penyebut harga hendaklah menandatangani **SURAT AKUAN PEMBIDA** yang disertakan dan mengembalikan surat tersebut bersama dokumen sebut harga.
5. Penyebut harga dikehendaki mengemukakan **Tawaran Harga dalam 1 salinan** dan **Tawaran Teknikal dalam 1 salinan** dalam **sampul surat berasingan** dan dimasukkan ke dalam **1 sampul surat yang berlakri**.
6. Semua Dokumen Tawaran Sebut harga yang telah dilengkapkan MESTILAH dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga (secara manual atau melalui pos), sebelum atau pada **3 April 2024 (Rabu) jam 12.00 tengah hari dan beralamat di:-**

**Unit Perolehan
Institut Kesihatan Negara (NIH)
No. 1, Jalan Setia Murni U13/52,
Seksyen U13, Setia Alam,
40170 Shah Alam, Selangor**

7. **DOKUMEN SEBUT HARGA YANG DIHANTAR SELEPAS TARikh DAN MASA YANG DITETAPKAN TIDAK AKAN DITERIMA.**
8. Institut Kesihatan Negara tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau sebarang kos perbelanjaan dengan sebut harga ini.
9. Jika ada sebarang pertanyaan berkenaan sebut harga ini, Penyebut harga boleh berhubung dengan **Encik Dzun Nuramin bin Shamsuddin** di talian **03-3362 8198** atau **Cik Sarina binti Hashim** di talian **03-3362 6944**.

**Pengurus
Institut Kesihatan Negara (NIH)
No. 1, Jalan Setia Murni U13/52,
Seksyen U13, Setia Alam,
40170 Shah Alam, Selangor**